

**SULIT**

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL IV**

**HADITH-HADITH MENGENAI  
PEMBERSIHAN ROHANI**

**OGOS 2017**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja****Soalan Pertama**

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - «جُعِلَ رِزْقِي تَحْتَ ظِلِّ رُمْحٍ»

*Daripada ibnu Umar, daripada Nabi saw (bahawa baginda bersabda): Dijadikan rezekiku di bawah bayangan tombakku. [iaitu menjadikan tombak (harta rampasan perang) sebagai punca rezeki yang ditetapkan oleh Allah]*

- (1) Hadith ini menunjukkan Nabi berperang. Adakah berperang bertentangan dengan konsep pembersihan jiwa (Tazkiah Nafs)? Bincangkan.

(5 markah)

- (2) Hadith ini berkaitan dengan hadith tawakkal. Bagaimanakan anda mengaitkan pencarian rezeki termasuk dalam tawakkal. Jelaskan.

(10 markah)

- (3) Apakah menggunakan ayat-ayat pelaris bercanggah dengan konsep tawakkal?  
Huraikan.

(10 markah)

[ 25 markah ]

## Soalan Kedua

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Berkata Umar ra: "Aku mendengar Rasulullah  $\rho$  bersabda: "Sesungguhnya hanyasanya amalan itu dengan niat. Sesungguhnya bagi setiap orang itu dikira (amalannya) mengikut apa yang dia niatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dikehjarnya atau kerana perempuan yang ia akan menikahinya maka hijrahnya itu (dikira) berdasarkan apa yang dia hijrahkan. (Hadith Riwayat Bukhari)

- (1) Perkataan إنما dan alif lam yang ada pada kalimah الأَعْمَالُ menunjukkan amalan yang memerlukan niat adalah amalan yang khusus dan tertentu. Bincangkan.

(5 markah)

- (2) Apakah niat dan ikhlas mempunyai maksud yang sama menurut pemahaman hadith ini. Huraikan.

(10 markah)

- (3) Apakah kepentingan hadith ini dari sudut *Tazkiyah Naf*. Jelaskan.

(10 markah)

[ 25 markah ]